

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS**  
**MOJIGOH [ PUTATAN ]**  
**TARIKH : 10 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]** minta  
**MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

(a) jumlah hospital awam dan swasta di Malaysia yang menyediakan rawatan alternatif (seperti TCM - Tradisional Chinese Medicine, Kaedah Rawatan Tradisional Tempatan, Homeopathi, Terapi Urutan dan lain-lain lagi) di Malaysia; dan

(b) ada atau tidak yang masih menggunakan khidmat rawatan bomoh atau pun penyembuhan batin (Faith Healer) dan apakah pandangan Kementerian ke atas rawatan di atas sama ada ianya boleh menarik "Pelancong Kesihatan" ke negara ini.

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada ketika ini terdapat 15 institusi kesihatan kerajaan yang menawarkan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari di samping perubatan moden. Antara perkhidmatan yang ditawarkan pada ketika ini adalah rawatan urut Melayu dan rawatan akupunktur bagi pesakit yang mengalami kesakitan kronik dan pesakit pasca angin ahmar, rawatan herba untuk mengurangkan kesan sampingan rawatan kanser, rawatan perbidanan Melayu bagi ibu-ibu selepas bersalin dan rawatan Shirodhara bagi membantu pesakit yang mengalami kemurungan, kesukaran tidur (insomnia), kerisauan (anxiety) dan untuk merawat tekanan (stress). Dari semasa ke semasa, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa menjalankan kajian bagi mengkaji amalan perubatan tradisional dan komplementari yang mempunyai bukti keberkesanan untuk diperkenalkan di institusi-institusi kesihatan kerajaan.

Manakala di sektor swasta pula, pada ketika ini terdapat dua buah hospital yang menawarkan perkhidmatan perubatan tradisional Cina iaitu Hospital Tung Shin di Kuala Lumpur dan Hospital Lam Wah Ee di Pulau Pinang.

**Tuan Yang Dipertua,**

Pihak Kementerian tidak dapat menafikan bahawa rakyat Malaysia masih mendapatkan khidmat rawatan bomoh atau pun penyembuhan batin (Faith Healer) ini. Walaupun pihak Kementerian tidak menyimpan data berkenaan perkara ini namun

terdapat kajian-kajian yang telah dijalankan berhubung perkara ini. Sebagai contoh, satu kajian tempatan yang telah diterbitkan dalam *Journal of Complementary Therapies in Medicine* pada tahun 2009, dianggarkan bahawa 69.4% penduduk Malaysia pernah menggunakan perubatan tradisional dan komplementari sepanjang hidup mereka dan satu kajian yang telah diterbitkan dalam *Journal of Social Psychiatry* pada tahun 2000, iaitu satu kajian yang telah dijalankan di kalangan pesakit psikiatrik berbangsa Melayu didapati bahawa 69% daripada 134 pesakit pernah mendapatkan rawatan daripada bomoh sebelum mendapatkan rawatan daripada pakar psikiatrik.

Justeru, piha KKM memang tidak dapat menafikan bahawa rakyat Malaysia masih mendapatkan rawatan daripada para pengamal perubatan tradisional ini tanpa mengira bangsa, agama atau latar belakang. Susulan itu, pihak Kementerian telah mengambil langkah untuk mengintegrasikan perubatan tradisional dan komplementari ini ke dalam sistem kesihatan kebangsaan untuk memastikan bahawa perubatan ini adalah selamat dan berkualiti.

### **Tuan Yang Dipertua,**

Pihak KKM menganggap bahawa perubatan tradisional dan komplementari merupakan satu komponen penting dalam pelancongan kesihatan sama ada di peringkat lokal atau global. Perubatan ini telah dikenal pasti sebagai salah satu komponen penting dalam Rancangan Malaysia ke-11 untuk menjana pendapatan negara. Di samping itu, pada ketika ini, pihak Kementerian sedang menunggu tarikh penguatkuasaan Akta

Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 untuk mengawal selia dan membantu meningkatkan lagi keyakinan pengguna seterusnya menarik pelancongan kesihatan terhadap perubatan ini sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Perubatan tradisional berkembang dan menjadi salah satu cabang ilmu perubatan yang penting kerana ia juga memberi pelbagai sumbangan ke arah meningkatkan taraf kesihatan individu. Oleh yang demikian, dengan perkembangan perubatan tradisional jua akan menyumbang kepada daya tarikan sebagai hub pelancongan kesihatan dan sekali gus peningkatan jumlah kedatangan pelancongan kesihatan ke negara kita. Tambahan pula, kaedah perubatan tradisional juga turut menjadi salah satu perubatan alternatif yang kian diminati oleh pelancong kesihatan.